



Garis Panduan Menyediakan Kertas Cadangan Projek (Proposal) Bagi Program Inovasi Usahawan Muda

Pendahuluan

SME Bank telah menyediakan satu garis panduan bagi memudahkan para peserta menyediakan kertas cadangan projek yang seragam serta mewujudkan konsistensi dalam pembentangan setiap peserta. Dengan keseragaman format juga, peserta dapat menyampaikan semua perkara yang penting untuk memudahkan pihak juri memberi markah. Setiap kertas cadangan projek perlu dihantar bersama – sama borang pendaftaran sebagai bukti penyertaan.

Setiap kertas cadangan projek yang lengkap mestilah mematuhi format yang ditetapkan. Selain daripada itu, ia juga mesti mempunyai perkara-perkara berikut:-

1. Muka hadapan.
2. Senarai Kandungan.
3. Nombor halaman pada setiap muka surat.
4. Mestilah menggunakan Bahasa Malaysia.
5. Menggunakan jenis dan saiz *font* yang sama, iaitu Arial 11pt.
6. Menggunakan kertas A4.
7. Jarak antara perenggan (*line spacing*) mestilah 1.5 inci.
8. Isi kandungan tidak melebihi daripada 15 muka surat.

ISI KANDUNGAN KERTAS CADANGAN PROJEK

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Tajuk Projek
- 1.2 Nama Kumpulan
- 1.3 Nama Sekolah
- 1.4 Nama Peserta
- 1.5 Nama Guru Pembimbing

2.0 CADANGAN PROJEK

- 2.1 Latar belakang projek
 - (i) Objektif
 - (ii) Matlamat
- 2.2 Profil produk / perkhidmatan
 - (i) Sifat dan Ciri
 - (ii) Keistimewaan / Kekuatan / Kelainan Produk
 - (iii) Visual / lukisan persembahan produk

3.0 ASPEK PASARAN

- 3.1 Jenis Industri
- 3.2 Pengguna Utama / Sasaran Pelanggan
- 3.3 Saiz permintaan atau pasaran sekarang, jangkaan tahunan untuk 5 tahun ke depan dan faktor-faktor mempengaruhinya
- 3.4 Kedudukan penawaran (Import dan keluaran tempatan) 3 tahun yang lalu dan sekarang
- 3.5 Strategi Pasaran
- 3.6 Pesaing (Jika ada)
 - Langkah-langkah menghadapi pesaing

4.0 ASPEK TEKNIKAL

- 4.1 Kaedah pelaksanaan (menggunakan sumber dalaman ataupun perkhidmatan pihak luar)
 - Mesin / Peralatan yang diperlukan
 - Keperluan bahan mentah
 - Proses Pengeluaran
 - Kawalan Mutu / Pencemaran
 - Jadual Pelaksanaan Projek
- 4.2 Carta aliran proses pengeluaran produk/perkhidmatan.

5.0 ASPEK KEWANGAN

- 5.1 Anggaran kos projek dan sumber pembiayaan
- 5.2 Kos untuk pengkomersialan (jika ada)

6.0 ASPEK PENGURUSAN

- 6.1 Carta Organisasi

7.0 FAEDAH PROJEK

Faedah jangka pendek dan jangka panjang projek yang dicadangkan.

8.0 KESIMPULAN

- 8.1 Nyatakan kekuatan dan kelemahan projek.
- 8.2 Strategi pemasaran untuk mengkomersialkan produk / perkhidmatan.
- 8.3 Rumusan Projek
- 8.4 Cadangan Penambahbaikan